

23/09/1999

4 syarikat dilantik urus pentadbiran air

Minarni Mat Saad

SHAH ALAM, Rabu - Empat syarikat dipilih bagi menubuhkan konsortium Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn Bhd (Splash), bagi mentadbir pengurusan rawatan dan pengagihan bekalan air di negeri Selangor.

Gabungan empat syarikat terbabit dalam penswastaaan air Selangor itu ialah Puncak Niaga Sdn Bhd, Konsortium TSWA, ABAS Bhd dan sebuah anak syarikat kerajaan negeri, Kumpulan Darul Ehsan Bhd (KDEB).

Menteri Besar, Datuk Seri Abu Hassan Omar, berkata Splash akan mengambil alih sistem rawatan dan pengagihan air di Selangor, manakala Jabatan Bekalan Air (JBA) hanya bertindak sebagai pengawal selia.

Menurutnya, kerajaan negeri dan syarikat terbabit kini sedang di peringkat akhir penubuhan syarikat usaha sama itu termasuk membincangkan ekuiti masing-masing.

"Sebaik saja Splash mengambil alih rawatan dan pengagihan air sepenuhnya yang kita harap pada tahun depan, tugas JBA hanyalah sebagai badan pengawas.

"Langkah menubuhkan syarikat usaha sama ini adalah selaras dengan cadangan Kerajaan Persekutuan, khususnya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menswastakan JBA," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Ahli Majlis Kerajaan Negeri di sini, hari ini.

Abu Hassan berkata, projek usaha sama itu adalah satu pendekatan lebih berkesan kerana semua pihak terbabit akan bersama-sama mengurus dan mengagihkan air kepada pengguna.

"Adalah lebih baik bagi Splash untuk mengendalikan urusan rawatan dan pengagihan air bagi memastikan bekalan air bersih mencukupi kepada pengguna dan masalah kegawatan air yang pernah melanda Selangor dan Wilayah Persekutuan tahun lalu tidak berulang lagi," katanya.

Bagaimanapun, beliau memberi jaminan kepada pengguna bahawa kerajaan negeri akan memastikan mereka tidak dibebankan caj perkhidmatan bekalan air yang tinggi selepas penswastaaan.

"Saya memberi jaminan pengguna tidak akan dikenakan caj yang tinggi sehingga membebankan mereka kerana matlamat kita sebenarnya ialah untuk memastikan mereka menikmati bekalan air bersih yang mencukupi pada kadar yang mampu," katanya.

(END)